

# Penjawat awam wajar lakukan pendekatan berbeza

## SHAH ALAM -

Penjawat awam perlu berfikir dari sudut berbeza bagi memastikan ekonomi pasca koronavirus (Covid-19) dilaksanakan mengikut perancangan seiring penetapan petunjuk prestasi utama (KPI) kerajaan.

Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP), Aminuddin Awang berkata, KPI yang ditetapkan untuk semua ketua setiausaha kementerian (KSU) dan ketua pengarah (KP) jabatan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali adalah wajar.

Menurutnya, dalam hal itu beliau yakin semua KSU dan KP juga bersedia ke arah merealisasikan matlamat tersebut.



**AMINUDDIN**

“Kami menyokong penetapan KPI setiap KSU dan KP semua kementerian dalam usaha menggerakkan ekonomi negara seperti arahan KSN.

“Kita juga berharap penjawat awam akan menyahut cabaran

dan memberikan komitmen tinggi ke arah mencapai setiap KPI KSU di kementerian masing-masing dalam usaha merencanakan perkembangan ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Mohd Zuki yang menetapkan KPI untuk semua KSU dan KP jabatan bagi memastikan program menggerakkan ekonomi pasca-Covid-19 dilaksanakan mengikut perancangan.